



# Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

بريدان كمالا اااa

Bil. 3/2004

Jul - Sept 2004 / Jamadil Awal - Rejab 1425H

Edaran PERCUMA

## EKSPLO

### INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA KELANTAN (EPIKS 2004)



Kerajaan Negeri Kelantan melalui PKINK telah berjaya menganjurkan Ekspo Industri Kecil dan Sederhana Kelantan 2004 (EPIKS) pada 18 hingga 30 Ogos yang lalu. Ekspo yang diadakan selama 2 minggu bertempat di perkarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV Kota Bharu telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Ustaz Hj. Ahmad B. Yakob, Timbalan Menteri Besar Kelantan.

EPIKS 2004 ini adalah merupakan program terbesar tahun 2004 yang julung kali dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan melalui agensi pelaksana iaitu Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). EPIKS 2004 di sokong oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Program ini merupakan komitmen Kerajaan Negeri Kelantan bersama-sama dengan Agensi/Jabatan Kerajaan Persekutuan yang bermati-mati untuk membantu menjana pertumbuhan IKS Negeri Kelantan dalam pelbagai sektor dan industri. EPIKS juga menjadi salah satu instrumen penting dalam usaha kerajaan untuk menjana pertumbuhan ekonomi negeri Kelantan. Disamping itu, EPIKS berperanan untuk membantu para



pengusaha atau usahawan agar lebih produktif dan agresif dalam promosi, pemasaran dan penghasilan produk yang bermutu tinggi. Fokus Utama Kerajaan ialah untuk membantu pengusaha IKS di Negeri Kelantan mempromosi produk dan membantu industri desa terutamanya perusahaan IKS menerokai potensi-potensi pasaran domestik dengan matlamat untuk meningkatkan daya saing produk di pasaran.

Antara objektif utama EPIKS 2004 ialah untuk memangkin pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan dengan mewujudkan peluang-peluang perniagaan untuk rakyat melalui penyediaan platform kepada mereka

untuk memperkani, mempromosi dan menjual produk masing-masing, mewujudkan dan mengukuhkan lagi jaringan niaga sesama pengusaha/usahawan dan juga antara usahawan dengan pihak Kerajaan serta memartabat dan mengiktiraf peranan IKS dalam menyumbang kepada pertumbuhan serta pembangunan ekonomi negeri dan negara.

Semalam 73 pengusaha dan usahawan IKS dalam pelbagai sektor dan industri telah menyertai ekspo ini, termasuk penyertaan dari beberapa orang usahawan luar negeri Kelantan. Selain itu, 7 Syarikat komersial termasuk TM NET, Celcom, AAM, MAA dan beberapa anak syarikat PKINK juga menyertai ekspo ini.

Di samping penyertaan di kalangan usahawan IKS, sebanyak 16 agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan turut terlibat dalam mempamerkan peranan dan fungsi masing-masing kepada masyarakat Kelantan. Di antara agensi yang terlibat ialah MARDI, FAMA, Jabatan Pertanian, KADA, Bank Pertanian, MARA, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, Perbadanan Kraftangan Negeri Kelantan, Amanah Ikhtiar Malaysia, Persatuan Pembalik, MIDA dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Negeri Kelantan.

Bersempena dengan ekspo tersebut juga, pelbagai acara menarik telah diadakan bagi menarik masyarakat untuk mengunjungi ekspo dan melawat gerai-gerai pameran agensi Kerajaan. Ia termasuklah persembahan kebudayaan, konseri Nasyid bersama In-Team dan UNIC, Dikir Barat bersama Halim Yazid, pertandingan mewarna balik, pertandingan karaoke nasyid, demonstrasi masakan, pertandingan gubahan buah-buahan dan juga pertunjukan seni silat. Majlis Penutup EPIKS 2004 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Hj Zulkifli Mamat, Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia Negeri Kelantan pada 30 Ogos 2004 jam 9 malam.





## Dari Editor

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bertemu lagi dalam Buletin PKINK kali ketiga untuk tahun 2004 ini. Dalam sedar tak sedar, tidak lama lagi kita akan menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak. Sebagaimana yang kita tahu, pada bulan yang mulia ini semua umat Islam dituntut menunaikan ibadat puasa dengan penuh keikhlasan dan ketakwaan bagi mendapatkan keredhaan daripada Allah S.W.T.

Balasan bagi orang yang berpuasa dengan penuh ketakwaan dan keikhlasan bagi mendapatkan keredhaan Allah adalah sangat besar. Selain diberikan pahala yang berlipat ganda, Allah menjanjikan balasan syurga untuk mereka. Daripada Sahl bin Sa'ad, bahawa Nabi Muhammad bersabda bermaksud: "Sesungguhnya di syurga ada pintu yang bernama ar-Rayyan tempat masuk orang yang berpuasa, dipanggil oleh penjaganya: "Di manakah orang yang telah berpuasa?"

"Dan tidak dapat masuk ke situ kecuali mereka yang berpuasa saja, dan jika semuanya telah selesai masuk, maka pintu itu ditutup, dan tidak masuk melaluinya melainkan mereka yang berpuasa saja."

Dengan kehadiran bulan Ramadhan Al-Mubarak ini akan menyedarkan kita supaya berjimat cermat dengan persiapan hari raya yang akan menjelang nanti. Janganlah sesekali kita menurut nafsu berbelanja sesuka hati malahan bersederhanalah dalam berbelanja.

Akhir kata, kami warga Sidang Editor ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak dan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir & Batin kepada semua anggota PKINK khususnya, serta seluruh umat Islam khususnya. Semoga Ramadhan pada kali ini akan menjadikan kita sebagai insan yang lebih bertakwa dan bersyukur terhadap kebesaran Allah S.W.T. Insya-Allah.

## Sidang Editor

### Penaung

YABrs. Tuan Hj. Hanifa Ahmad

### Ketua Editor

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

### Editor

YBhg. Datin Hajjah Norsiah Musa

### Penolong Editor

En. Ahmad Hilmi Mohd Nawawi

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

### Pengarang

En. Ahmad Nazri Ismail

En. Mohd Roslan Md.Zain

Pn. Teh Mariam Mohamad

Pn. Hawa Md. Salleh

En. Rosdi Said

Pn. Nik Farzimar Nik Omar

YM. Tengku Petra Tengku Wook

En. Zainul Amin Mat Zin

### Jurufoto

En. Mohd Ghazali Mahmood



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan,  
Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,  
Jalan Tengku Maharani,  
Peti Surat 142,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan.

Dicetak oleh:  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
Lot 13 A-D, Kaw. Perindustrian Mara Fasa III,  
Jalan Padang Tembak, Pengkalan Chepa,  
16100 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel: 09-7713141 Fax: 09-7713142



## RUANGAN BERITA

Malaysian International Halal Showcase (MIHAS 2004) Ekspo Halal Malaysia Pertama telah dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) bertempat di Malaysia International Exhibition & Convention Centre (MIECC) Mines Resort City, Kuala Lumpur dari 14 hingga 18 Ogos 2004.

Sebagai Jendela Rangkaian Produk Halal Global, fokus utama pengajuran MIHAS 2004 adalah untuk menyediakan ruang dan peluang kepada peserta untuk mempamerkan produk-produk halal serta mewujudkan jaringan pasaran yang berkualiti secara global. Bagi tidak melepaskan peluang daripada penganjuran ekspo yang julung-julung kali ini, PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan yang berperanan sebagai agensi pelaksana program keusahawanan bagi negeri Kelantan telah menyertainya.

Penyertaan PKINK pada kali ini agak berbeza kerana kita tidak membawa produk tetapi kita membawa pengusaha-pengusaha dan produk yang mereka keluarkan seperti produk tekstil, produk sejuk beku dan bahan-bahan masakan. Di sini anggota-anggota PKINK yang turun padang selaku urusetia berperanan membantu membuat promosi bagi pihak

### PKINK MENYERTAI MIHAS 2004



pengusaha, menarik pengunjung ke booth pameran, memberi penerangan tentang produk dan teramat penting sekali ialah membantu mengatasi masalah komunikasi di kalangan



pengusaha ketika berurusan dengan pengunjung dan pengusaha-pengusaha dari luar negara yang turut mengambil bahagian.

Penyertaan ke MIHAS 2004 telah memberi pendedahan dan promosi secara langsung produk-produk halal tempatan kepada para pengunjung tempatan dan para peserta yang terdiri dari kalangan pengusaha luar negara yang rata-rata akan tampil lagi dalam MIHAS tahun depan.



Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK selaku sekretariat PUM Kelantan telah mengadakan Seminar Motivasi Kecemerlangan PUM khusus untuk para pelajar yang terdiri dari ahli-ahli syarikat PUM bagi sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan. Seminar ini telah diadakan pada 25 September 2004 bertempat di Dewan Besar PUTIK Pengkalan Chepa dan telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Mohd Amar b. Nik Abdullah iaitu Exco Pendidikan bagi Kerajaan Negeri Kelantan. Seminar ini telah disertai oleh lebih kurang 300 orang pelajar dari 10 buah sekolah. Turut hadir ialah Penolong Pengarah Yayasan Islam Kelantan, Ustaz Wan Roslan b. Wan Hamat.

Program seminar ini diadakan bertujuan bagi memberikan input dan menyuntik semangat ingin maju dan berusaha ke arah mencapai kecemerlangan dalam semua aspek bukan sahaja dalam bidang keusahawanan, tetapi kecemerlangan dalam bidang akademik. Di samping itu, seminar ini bermatlamat untuk

## RUANGAN BERITA

### SEMINAR

### MOTIVASI KECEMERLANGAN PUM 2004

memantapkan penabdi dan jati diri para pelajar serta menerapkan nilai-nilai mulia Islam dalam kehidupan generasi ke arah kecemerlangan dunia dan akhirat.



Pihak sekretariat berharap seminar tersebut dapat mewujudkan satu jalinan rangkaian perniagaan atau networking antara mereka dalam memaju dan memastikan kejayaan PUM di sekolah.

Pakar motivasi PUM yang suatu ketika dulu terlibat sebagai guru pembimbing yang aktif di sebuah sekolah di Tanah Merah, Cikgu Wan Yusof Wan Mustafa telah menyampaikan ceramah motivasi beliau selama 2 jam tanpa henti. Seminar separuh hari tersebut berakhir dengan solat hajat bersama YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.





MAJLIS PELANCARAN

# PEMBUKAAN (SOFT LOUNCH) PACIFIC HYPERMARKET & DEPARTMENT STORE

Pusat Pembangunan KB Mall telah dicadangkan dan dirancang pembinaanannya diatas tanah seluas 15.71 ekar milik PKINK yang terletak di seksyen 16, Jalan Hamzah, Kota Bharu.

Memulakan pembinaan pada pertengahan tahun 2003, Fasa 1 yang membabitkan satu blok pusat membeli-belah setinggi 3 setengah tingkat termasuk Hypermarket, gudang aneka, gelanggang tempin bowling 30 lorong serta restoran makanan segera. Hypermarket dan gudang aneka di KB Mall ini akan beroperasi di bawah Kumpulan The Store.

Pada 29 september 2004 yang lalu, YB Tuan Hj. Ahmad Yakob, Timbalan Menteri Besar Kelantan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan (Soft Launch) Pacific Hypermarket Department Store. Hadir sama di majlis itu ialah YABrs En. Mohd Kamal b. Bilal, Pengerusi The Store Corp Bhd, Dato' (Dr) Tang Yeap Soon, Pengarah Urusan Kumpulan The Store Bhd, Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri Kelantan, Ahli-



ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri serta dif-dif jemputan.

Kemuncak majlis tersebut ialah upacara perasmian KB Mall dengan meletakkan logo KB Mall dan pelancaran Kad Aidifitri Grand Reward dan P-Card Loyalty Reward yang telah disaksikan oleh dif-dif Jemputan. Dengan adanya pembinaan dan perasmian KB mall yang bernilai RM200 Juta ini, ia akan memberi peluang pekerjaan kepada 2,000 penduduk tempatan dan sekaligus menjadi mercutanda dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan.





**LAWATAN KERJA KETUA EKSEKUTIF PKINK KE SYDNEY AUSTRALIA**

Pada 6 hingga 11 Jun 2004, Tuan Hj. Hanifa Ahmad, Ketua Eksekutif PKINK telah mengadakan lawatan kerja ke Sydney, Australia. Lawatan ini turut disertai oleh En. Amran Ahmad, Pengurus Besar Kelstone Sdn. Bhd. dan Tuan Hj. Zainol Abidin Sulaiman, Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Kelantan.

Semasa di Sydney, rombongan telah mengadakan lawatan kerja di Jabatan Mineral dan Geosains New South Wales. Tujuan lawatan ialah mempelajari dan mengkaji cara-cara jabatan berkenaan menguruskan secara sistematik permohonan-permohonan carigali dan melombong, mendigitalkan data-data carigali dan syarat-syarat yang berkaitan dengan carigali dan melombong bijih. Rombongan telah disambut oleh Mr. Ted Tyne, Pengarah Jabatan berkenaan dan beberapa pegawai kanan jabatan.

Rombongan juga telah mengadakan lawatan ke sebuah kawasan bekas lombong di Penrith (60 km ke Barat-Daya Sydney) yang telah dipulihkan menjadi salah satu daripada kawasan hartanah yang berharga tinggi. Ia juga menjadi tapak



acara 'rowing' sukan Olympik 2000 yang lalu, kawasan perumahan dan riadah.

Ketua Eksekutif juga sempat melawat ladang lembu tenusu yang terbesar di New South Wales yang terletak di Leppington dan dipunyai oleh Mr. Tony Perich, yang merupakan salah seorang Pengarah Syarikat Usahasama Kelstone, iaitu Austral Malaysian Mining Ltd (AMML). Ladang lembu tenusu ini mempunyai lebih kurang 3,000 ekor lembu Frisian dan menggunakan teknologi termoden bagi menghasilkan susu lembu yang berkhasiat tinggi.

Sebelum kembali ke tanah air, Ketua Eksekutif selaku salah seorang Pengarah Pulau Mining Sdn Bhd, telah



menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah Pulau Mining Sdn Bhd bertempat ditingkat 29 Menara Chiefly dan dipengerusikan oleh The Hon. Peter Anderson, Pengerusi AMML. Pulau Mining Sdn. Bhd. adalah merupakan syarikat usahasama antara Kelstone dan AMML yang sekarang ini sedang mengusahakan sebuah lombong emas di Pulau, Gua Musang.



Daripada lawatan ini, ahli rombongan telah dapat menimba sedikit sebanyak pengalaman dan pendedahan kepada industri carigali dan perlombongan bijih berharga ini dan kepentingannya dalam meningkatkan tahap ekonomi negeri.



## RUANGAN BERITA

### PERBARISAN

## HARI KEBANGSAAN 2004

Negara kita Malaysia telah merayakan ulangtahun kemerdekaan yang ke 47. Perayaan Bulan Kemerdekaan telah bermula pada 17 Ogos 2004 hingga 16 September 2004 merupakan hari dan detik bersejarah yang sentiasa dinanti-nantikan oleh setiap warga negara Malaysia.

Tujuan diadakan Sambutan Perayaan Bulan Kemerdekaan adalah untuk melahirkan rasa kecintaan seluruh rakyat Malaysia terhadap negara, bangsa dan agama. Melalui sambutan selama satu bulan ini diharapkan seluruh masyarakat akan menghayati rasa kecintaan terhadap negara dan merapatkan perpaduan antara kaum melalui berbagai acara sambutan samada peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Kemuncak bagi Perayaan Kemerdekaan ialah Perhimpunan & Perbarisan Hari Kebangsaan yang telah diadakan serentak di seluruh negara. Di peringkat negeri Kelantan, ribuan rakyat jelata telah berhimpun di Perkarangan Stadium Sultan Mohamad ke-IV dan berbaris di sepanjang jalan-jalan sekitar Kota Bharu bagi sama-sama memeriahkan acara kemuncak tersebut. Lebih seratus kontinjen yang mewakili Jabatan Persekutuan, Jabatan Negeri, Badan-badan Berkanun Persekutuan & Negeri, Syarikat-syarikat Swasta, Pasukan beruniform serta Pertubuhan

Sukarela turut serta. PKINK turut menghantar kontinjen dengan keanggotaan seramai 35 orang dalam perbarisan dan perarakan dengan menonjolkan kejayaan dalam sektor pertanian. Kepenatan berbaris sejauh hampir 4 kilometer tidak begitu terasa kerana diwarnai dengan warna-warni pakaian para peserta yang pelbagai.



Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK selaku sekretariat PUM Kelantan telah mengadakan Latihan Pembimbing dan Seminar Ahli Lembaga Pengarah bagi sekolah-sekolah PUM 2004 selama 3 hari bertempat di Rosa Pasadena Cameron Highland pada 19 hingga 21 Julai 2004 yang lalu. Sebanyak 20 buah sekolah dari Jabatan Pendidikan Kelantan dan juga Yayasan Islam Kelantan telah menyertai seminar tersebut dengan penglibatan seramai 100 orang pelajar, 40 orang guru pembimbing PUM dan 9 orang pegawai penasihat syarikat PUM yang ditantik.

Seminar Latihan Pembimbing PUM (TOT) dan Alp ini adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan Kemahiran kepada semua Guru Pembimbing, Pegawai Penasihat PUM dan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dalam melaksana dan Program Usahawan Muda di sekolah masing-masing secara lebih efektif serta berdaya maju. Di samping itu, ia juga merupakan satu bentuk pendedahan kepada guru dan pelajar tentang tatacara pelaksanaan serta keadah pemantauan program bagi

## RUANGAN BERITA

### SEMINAR LATIHAN

## PEMBIMBING DAN AHLI LEMBAGA PENGARAH PROGRAM USAHAAN MUDA TAHUN 2004

memastikan keberkesanan pelaksanaan program ini di sekolah masing-masing.

Seminar selama tiga hari tersebut telah diisi dengan pelbagai program iaitu pembentangan kertas kerja, bengkel dan persembahan syarikat serta pertandingan persembahan kumpulan terbaik. Seminar telah diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian sijil yang telah disempurnakan oleh Wakil Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan. Turut hadir di majlis penutup ialah Penolong Pengarah

Yayasan Islam Kelantan, Ustaz Abd Kadir Hj Othman. Sebelum bertolak pulang, peserta telah dibawa melawat ke ladang teh serta tempat-tempat menarik di sekitar Cameron Highland.





## RUANGAN SUKAN

### SUKAN

## GEMAPUTERA KALI KE-X

Selaku tuan rumah sukan Gemaputera kali ke X, Kedah Darul Aman telah memilih Pulau Langkawi sebagai tempat di mana acara sukan dipertandingkan. Acara sukan ini telah diadakan pada 22 hingga 29 Ogos 2004. Sebanyak 8 acara sukan telah dipertandingkan iaitu badminton, bola jaring, bola sepak, bowling, golf, kerom, ping pong dan tenis yang melibatkan sebanyak 21 agensi yang bernaung di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia (MECD).

PKINK telah menyertai kesemua acara yang dipertandingkan dengan menghantar seramai 102 orang kontinjen yang terdiri dari pemain dan pegawai. Dalam amanat terakhir Ketua Eksekutif PKINK pada upacara serahan bendera kepada Ketua Kontinjen yang diadakan pada 16 Ogos 2004, beliau telah menekankan konsep persaudaraan melalui bersukan. Selain bersukan, anggota kumpulan PKINK haruslah mengambil peluang ini untuk bertukar-tukar fikiran dengan rakan-rakan dari agensi lain, mempamerkan permainan terbaik pasukan PKINK dan mendapatkan keputusan yang sebaik mungkin dalam setiap acara yang dipertandingkan.

Kontinjen PKINK mula bertolak pada 20 Ogos 2004 dengan 2 buah bas, 3 buah kereta dan diikuti dengan 10 buah kenderaan persendirian pada 21 Ogos 2004. Kontinjen PKINK telah menginap di Kondominium Century Suria dan Hotel Grand Continental. Lokasi ini dipilih memandangkan ianya berhampiran dengan tempat-tempat permainan.

Selepas bersukan selama empat hari, PKINK telah muncul ditempat ketiga



keseluruhan di belakang PKNS (Selangor) dan PKINK (Kedah). PKINK mendapat johan dalam acara bowling dan tempat ketiga acara badminton dan tenis. Kejohanan tersebut diadakan di beberapa lokasi yang berbeza seperti Kerom diadakan di Langkawi Fair, Ping Pong di Dewan Sekolah Menengah Mahsuri, Bolasepak, Bolajaring dan Tenis di Kompleks Sukan Langkawi, Badminton di



Dewan MRSM dan Dewan Sekolah Menengah Teknik, Bowling di Ampang Bowling Jeti Point dan Golf diadakan di Gunung Raya Golf Resort.

Majlis Perasmian Sukan Gemaputera Kali ke-X Kedah 2004 telah diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan LADA, Langkawi oleh YB En. Samsu Baharun Bin Hj. Ab. Rahman, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia. Pada keseluruhannya PKINK telah berjaya menganjurkan kejohanan Sukan Gemaputera Kali Ke-X dengan jayanya dan unjuk Sukan Gemaputera Kali Ke-XI, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka telah diberi kepercayaan untuk menjadi tuan rumah.

### KEJOHANAN

## BADMINTON KUMPULAN PKINK 2004

Kejohanan Badminton Kumpulan PKINK 2004 telah diadakan pada 12 Oktober 2004 bertempat di Dewan Badminton PBKN, Kota Bharu bermula jam 8.30 malam. Kejohanan kali ini disertai oleh empat pasukan yang terdiri dari Pasukan PKINK, Pasukan Kumpulan Permodalan Kelantan Bhd (PKB), Pasukan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd (KPK) dan Pasukan Pilihan Syarikat Kelstone Sdn Bhd.

Kejohanan tahunan anjuran Jawatankuasa Kecil Badminton KSK PKINK ini mengekalkan konsep sebelumnya, di mana perlawanan di dalam acara beregu sahaja yang terdiri dari 1 beregu VVIP, 1 beregu VIP, 1 beregu veteran, 3 beregu terbuka dan 1 beregu wanita menjadikan 7 acara beregu.

Pasukan Kumpulan PKB telah muncul sebagai johan dan diikuti oleh Pasukan PKINK tempat kedua, Pasukan

Pilihan syarikat Kelstone Sdn Bhd tempat ketiga dan Pasukan KPK tempat keempat. Hadiah-hadiah berupa hamper



dan barangan telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif PKINK (HEK), Pengurus Sumber Manusia PKINK, Pengurus Besar PKB dan Pengarah Urusan KPK.

Antara tujuan lain diadakan kejohanan ini adalah untuk mengeratkan hubungan antara pegawai dan anggota Kumpulan PKINK dan juga membuat tinjauan awal bagi memilih pemain-pemain badminton untuk mewakili PKINK ke sukan Gemaputera yang akan datang.

